

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai nama serta aset dalam Ringgit Malaysia (RM) semua Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai akaun bank di pesisir dan adakah mereka diwajibkan untuk mengisytiharkan aset mereka kepada SPRM di Malaysia. Jika ya, nyatakan dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Kod Etika bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen 2018, Perisytiharan harta, perolehan harta tambahan dan pelupusan harta Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen serta isteri atau suami, anak dan pemegang amanah mereka hendaklah dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri dan disalinkan kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Justeru itu, belum ada mana-mana peruntukan yang mewajibkan perisytiharan Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen kepada SPRM.

Berikut adalah ahli-ahli Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri yang telah mengisytihar aset luar Negara mereka dan disalinkan kepada SPRM:

- i. YB Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz
- ii. YB Senator Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin
- iii. YB Datuk Seri Dr. Santhara Kumar a/l Ramanaidu
- iv. YB Senator Datuk Lim Ban Hong

Sekian, terima kasih.